

Fokus sembilan golongan sasar, ekonomi Bumiputera

Kerajaan mahu baik pulih kedudukan sosioekonomi

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi keutamaan kepada sembilan kumpulan sasar dalam pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 bagi membolehkan kedudukan sosioekonomi mereka dibaik pulih.

Mereka ialah golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40); miskin tegar dan rentan ekonomi; masyarakat dalam transisi ekonomi; Orang Asli; Bumiputera Sabah dan Sarawak; Orang Kurang Upaya (OKU); belia; wanita serta kakak-kanak dan warga emas.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pemilihan kumpulan berkenaan bagi membolehkan mereka tidak terus tertinggal dalam menikmati limpahan hasil pembangunan ekonomi negara.

"Pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama akan meliputi semua rakyat Malaysia. Namun, selaras dengan konsep kesaksamaan yang mendasari usaha ini, beberapa kumpulan akan diberikan keutamaan.

"Ia supaya kedudukan sosioekonomi mereka dapat dibaik pulih agar mereka tidak ketinggalan," katanya berucap melancarkan wawasan berkenaan, di sini semalam.

Memberi jaminan WKB 2030 juga memberi tumpuan kepada penguatan ekonomi Bumiputera, Dr Mahathir berkata, ada pihak menyebarkan khabar palsu kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan WKB menyetipkan hak dan masa depan Bumiputera.



Dr Mahathir pada sidang media selepas majlis pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Menteri Dalam Negeri merangkap Pengerusi Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Mohd Radzi Md Jidin (kanan).
(Foto Asyraf Hamzah/BH)

"Ada pihak menyebarkan khabar palsu bahawa kerajaan PH mahupun Wawasan Kemakmuran Bersama ini menyetipkan hak dan masa depan Bumiputera dengan menyamaratakan semua peluang dan meliberalisasikan semua sektor.

"Kita sangat memahami, masyarakat Bumiputera masih ketinggalan dalam banyak perkara," katanya.

Perdana Menteri menegaskan, menerusi WKB 2030, kerajaan menetapkan hasrat supaya Bumiputera tidak ditinggalkan dan perlu dibangunkan supaya lebih kompetitif serta boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan etnik lain.

"Pada waktu sama seperti yang saya selalu tekankan, Bumiputera tidak harus hanya menunggu bantuan dan sokongan kerajaan. Apabila kita faham kita ketinggalan, kita harus sedar untuk lari lebih laju mengejar mereka di hadapan," katanya.

Mengulas lanjut pada sidang media kemudian, Dr Mahathir berkata, sasaran mencapai 30 peratus pegangan ekuiti Bumiputera menerusi WKB 2030 mampu dicapai, asalkan Bumiputera sendiri berusaha untuk merealisikannya.

Katanya, kerajaan melancarkan pelan berdaya maju dan mampu meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera seba-

nyak 30 peratus, tetapi sambutan daripada golongan berkenaan amat penting.

"Kita wujud ruang (peluang) kerja, tapi tak nak kerja. Kita nak bagi belajar di universiti, mereka tak nak. Kalau mereka (Bumiputera) tidak sambut, sukar bagi kita untuk capai matlamat ini.

"Kita rangka dasar untuk capai, tetapi orang yang mesti jayakan tidak mahu, kita dapati orang kita tak suka kerja berat. Ini bukan baharu, tapi 70 tahun dulu pun berlaku.

"Sebab itu, mengapa negara kita ramai orang asing bekerja? Sebab orang kita tak nak buat, mereka anggap (kerja dimonopoli warga asing) berat, bahaya dan kotor," katanya.

BH- 6/10/2019 mk: 3